

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah keperluan pendaftaran ISC?	<ul style="list-style-type: none">ISC merupakan tapisan keselamatan kepada semua bakal pekerja asing sebelum mereka melakukan apa-apa proses atau permohonan bekerja di Malaysia.Sebagai langkah keselamatan yang pertama, ia akan memastikan hanya bakal pekerja asing yang lulus sahaja dapat meneruskan proses berikutnya seperti penyediaan dokumentasi, pemeriksaan kesihatan serta permohonan kerja.Maklumat mengenai sama ada bakal pekerja asing layak untuk masuk ke Malaysia juga akan membantu mereka mengurangkan perbelanjaan yang tidak sepatutnya seperti semakan perubatan, serta mengelakkan majikan daripada membayar yuran levi visa bagi pekerja yang tidak layak untuk bekerja Malaysia.
2	Siapakah yang layak mendaftar ISC?	<p>Semua bakal pekerja asing dari Negara-negara sumber yang ingin bekerja di Malaysia dalam sektor-sektor yang dibenarkan (Pembuatan, Pembinaan, Perladangan, Pertanian, Perkhidmatan dan Pembantu rumah) layak mendaftar ISC.</p> <p>Sila rujuk kepada: http://www.imi.gov.my/index.php/en/main-services/foreign-worker http://www.imi.gov.my/index.php/en/main-services/foreign-domestic-helper</p>
3	Bagaimanakah bakal pekerja asing boleh mendaftar ISC?	<p>Sila lawati Pusat ISC yang terdekat (pautan ke senarai Pusat ISC) di Negara asal dengan membawa bersama-sama pasport yang masih sah laku tempoh bagi 12 bulan dan ke atas.</p>
4	Jika bakal pekerja asing ingin bekerja di Malaysia, bilakah masa yang sesuai untuk mereka mendaftar ISC?	<p>Bakal pekerja asing boleh mendaftar ISC bila-bila masa sebelum mereka memulakan sebarang proses permohonan pekerjaan.</p>

No	Soalan	Jawapan
5	Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh bakal pekerja asing untuk pendaftaran ISC?	Sila hubungi pusat ISC yang terdekat di negara asal mereka untuk mendapatkan maklumat yuran bagi negara tersebut.
6	Bagaimanakah caranya untuk bakal pekerja asing menyemak status pendaftaran ISC mereka?	<p>Sila semak status pendaftaran ISC melalui Pusat ISC yang telah ditetapkan dan nyatakan ID rujukan yang tertera pada slip pendaftaran.</p> <p>Keputusan-keputusan berikut mungkin didapati:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ PASS – Verifikasi ISC berjaya. Bakal pekerja asing tersebut layak bekerja di Malaysia.▪ FAIL – Verifikasi ISC gagal. Bakal pekerja asing tersebut tidak layak bekerja di Malaysia.▪ IN PROGRESS – Verifikasi ISC sedang diproses. Sila tunggu keputusan verifikasi.
7	Apakah tempoh sah laku bagi Pelekat ISC?	Tempoh sah laku adalah 12 bulan dari tarikh pengeluaran Pelekat ISC.
8	Jika bakal pekerja asing pernah memasuki Malaysia sebelum ini untuk bekerja, adakah mereka masih perlu membuat pendaftaran ISC jika ingin kembali bekerja di Malaysia?	Ya, pendaftaran ISC adalah wajib bagi semua bakal pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia dan masih belum mendapat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).
9	Bolehkah bakal pekerja asing memohon visa untuk bekerja jika mereka tidak mempunyai Pelekat Keselamatan ISC?	<p>Tidak, bakal pekerja asing tidak boleh memohon visa untuk bekerja jika mereka belum mendapat Pelekat Keselamatan ISC.</p> <p>Pelekat Keselamatan ISC adalah keperluan mandatori dan langkah pertama sebelum permohonan visa bekerja di Malaysia.</p>

No	Soalan	Jawapan
10	Adakah bakal pekerja asing boleh mendaftar di Pusat ISC yang terletak di luar negara asal mereka?	<p>Tidak, bakal pekerja asing hanya dibenarkan membuat pendaftaran ISC di negara asal mereka sahaja.</p> <p>Sebagai contoh, rakyat Indonesia hanya boleh membuat pendaftaran ISC di Pusat ISC di Indonesia sahaja.</p>
11	Apakah yang akan berlaku jika bakal pekerja asing telah gagal dalam pendaftaran ISC?	<p>Jika bakal pekerja asing gagal dalam pendaftaran ISC:</p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="697 525 1895 601">1) Mereka tidak layak bekerja ataupun memulakan sebarang proses permohonan bekerja di Malaysia.<li data-bbox="697 618 1895 694">2) Mereka akan menerima pulangan sebanyak 50% daripada jumlah bayaran yuran yang dikemukakan sewaktu pendaftaran. <p>Sebarang pertanyaan lanjut mengenai status gagal, bolehlah diajukan kepada Pejabat Imigresen Malaysia di negara sumber yang terlibat.</p>